



**1. TUKANG MASAK RANCANGAN PERMAKANAN SEKOLAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
F.1-2-3 EB.4 [\$445 - \$650 SEBULAN]  
KEKOSONGAN= 4**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC / BTEC National Trade Certificate Grade 3 (NTC3) atau sebanding dalam bidang Basic Cookery / Basic Food and Beverage Services, atau bidang yang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.

**ATAU**

- b) Mempunyai pengalaman dan terbukti dalam kerja-kerja memasak atau sebagai Tukang Masak tidak kurang dari 3 tahun.
2. Mempunyai Sijil Kelas Dewasa Masakan anjuran Kementerian Pendidikan adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB TUKANG MASAK RANCANGAN PERMAKANAN SEKOLAH:**

1. Menyediakan makanan / minuman penuntut / murid pada waktu-waktu yang ditentukan mengikut jadual.
2. Berusaha supaya makanan yang dihidangkan hendaklah memuaskan.
3. Bertanggungjawab atas keselamatan dan kebersihan bilik dapur, makanan, alat perkakas dapur dan pingan mangkuk.
4. Melaporkan kekurangan dan kerosakan alat-alat perkakas dan dapur kepada Penjaga Dapur.
5. Sebelum meninggalkan tempat bekerja segala perkakas hendaklah dibersihkan, dikemaskan dan disusun di tempat yang dikhaskan dengan sempurna.
6. Pakaian seragam yang diberikan hendaklah dipakai pada masa bertugas.



7. Masa datang bekerja dan balik hendaklah mengikut sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Guru Besar.
8. Mematuhi peraturan berikut:-
  - a) Dilarang merokok di dapur dan dewan makanan.
  - b) Badan dan pakaian hendaklah sentiasa bersih dan kemas.
  - c) Jangan berludah di tempat-tempat memasak dan bilik-bilik makan.
9. Pekerja-pekerja mestilah melaksanakan arahan-arahan yang dibuat oleh Guru Besar walaupun diluar tugas-tugas mereka.
10. Membantu menyediakan dan menyemak Tuntutan Rancangan Permakanan Sekolah dan *Delivery Order*.